

15 MAY 1999

MAHATHIR ENGGAN JAWAB DESAS-DESUS MENGENAI SABBARUDDIN

SHAH ALAM, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini enggan mengesahkan desas-desus kononnya Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Sabbaruddin Chik akan meletakkan jawatannya itu atas sebab kesihatan.

"Itu kena tanya dialah," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu pada persidangan media selepas merasmikan Fasiliti Pembangunan dan Penyelidikan Proton di Kilang Utama Proton, di sini.

Desas-desus mengenai peletakan jawatan Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, semakin tersebar luas berikutan berita bahawa Sabbaruddin kini menghidap penyakit yang agak serius.

-- BERNAMA

RA RON